



GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF BUKAN AKADEMIK

PEJABAT PENDAFTAR

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
ARAS 1, BANGUNAN CANSELORI
KAMPUS GONG BADA
21300 KUALA TERENGGANU
TEL: 096688888**

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Pendaftar, Universiti Sultan Zainal Abidin terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be repproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system without permission in writing from Office Of The Registrar, University Sultan Zainal Abidin.

Diterbitkan Di Malaysia Oleh / Published In Malaysia By
Pejabat Pendaftar, Universiti Sultan Zainal Abidin
Aras 1, Bangunan Canselori
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA

KANDUNGAN

Ringkasan Eksekutif	iv
Prakata	v
Sekapur Sireh	vi
1. Pengenalan	1
2. Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan	2
3. Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai/Pensyarah Perubatan/Pegawai Pergigian dan Farmasi Berdasarkan Laluan Kerjaya di KKM	3
4. Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)	3
5. Syarat-Syarat Kenaikan Pangkat	4
6. Taburan Markah Penilaian	5
7. Pelaksanaan Temuduga	6
8. Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Meluluskan Kenaikan Pangkat	7
9. Tarikh Kuatkuasa Kenaikan Pangkat	7
10. Keputusan	8
11. Penutup	8
12. Lampiran A: Carta Alir Proses Permohonan Kenaikan Pangkat	9
13. Lampiran B: Syarat-Syarat Tambahan Kenaikan Pangkat Pegawai/Pensyarah Perubatan, Pergigian dan Farmasi Berdasarkan Laluan Kerjaya di KKM	10
14. Lampiran C: Syarat-Syarat Dan Kriteria Kenaikan Pangkat Bagi Jawatan/Gred Fleksi Kumpulan Pengurusan & Profesional IPTA	11
15. Sumber Rujukan	14

RINGKASAN EKSEKUTIF

Garis Panduan ini disediakan bertujuan memberi penerangan mengenai tatacara proses dan prosedur kenaikan pangkat staf bukan akademik di mana satu peraturan yang standard ditetapkan bagi semua fakulti dan PTj yang mesti dipatuhi semua pihak yang terlibat. Di samping itu, garis panduan ini menjadi rujukan kepada pemohon tentang langkah-langkah yang perlu diambil sebelum membuat permohonan selain menjadi panduan kepada urus setia dalam mengurus dan mengawal selia semua proses dan prosedur kenaikan pangkat. Penerbitan Buku Garis Panduan ini memainkan peranan penting di mana Pemohon dan Urus Setia Fakulti dapat memantau perjalanan proses kenaikan pangkat dengan lebih sistematik dan teratur.

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Eksesais kenaikan pangkat adalah untuk memberi peluang peningkatan kerjaya kepada staf yang kecemerlangannya terbukti dalam bidang berkaitan.
- 1.2 Dokumen ini menggariskan polisi dan prosedur bagi urusan kenaikan pangkat Staf Bukan Akademik yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana.
- 1.3 Polisi ini tidak terpakai kepada staf yang bertaraf kontrak, sementara dan calon luar yang dilantik terus untuk memegang jawatan naik pangkat.
- 1.4 Kenaikan pangkat yang digariskan dalam polisi ini adalah selaras dengan Perkara 38, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 / P.U. (A) 176/2005, seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika pegawai itu telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan jika terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan memperuntukkan selainnya.
- 1.5 Kenaikan pangkat ini juga adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan yang telah ditetapkan di bawah Sistem Saraan Malaysia (Kuat kuasa mulai 1 Januari 2006) dan syarat tambahan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti Sultan Zainal Abidin.
- 1.6 Kekosongan jawatan kenaikan pangkat berdasarkan kepada waran peruntukan perjawatan yang diluluskan oleh Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
- 1.7 Prosedur permohonan kenaikan pangkat adalah seperti di LAMPIRAN A.

2.0 KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2013 bertarikh 26 Disember 2013 telah bersetuju meluluskan cadangan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2013: Kenaikan Pangkat Secara Timed-Based Berasaskan Kecemerlangan bagi Kumpulan Pelaksana yang berada di gred lantikan berkuatkuasa 1 Julai 2013.
- 2.2 Kenaikan Pangkat Time-Based Berasaskan Kecemerlangan bertujuan untuk menyediakan peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik kepada pegawai yang mencapai prestasi yang baik di samping menunjukkan sikap dan komitmen kerja yang positif. Dengan ini, pegawai berpeluang untuk meningkat dalam kerjaya melalui kaedah kenaikan pangkat tanpa terikat kepada keperluan kekosongan jawatan.
- 2.3 Tempoh kenaikan pangkat secara KUP telah dipendekkan daripada 15 tahun kepada 13 tahun.
- 2.4 Penilaian kecemerlangan adalah mengguna pakai Borang Penilaian Time-Based Berasaskan Kecemerlangan yang dinilai oleh penyelia pegawai yang berada di gred lebih tinggi daripada gred pegawai yang dinilai yang kemudiannya disahkan oleh Ketua Jabatan. Pertimbangan LNPT adalah seperti berikut: -

Kumpulan	Gred	Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)	Penilaian Kecemerlangan
Berkhidmat lebih 13 tahun sebelum 1 Julai 2013	17 – 40 1 – 16	78% 75%	Dikecualikan
Berkhidmat genap 13 tahun pada 1 Julai 2013 dan seterusnya (jika masih menggunakan LNPT tahun 2012 atau sebelum sebagai tahun terkini)	17 – 40 1 – 16	78% 75%	Perlu penilaian kecemerlangan di tahap BAIK / CEMERLANG
Berkhidmat genap 13 tahun pada 1 Julai 2013 dan seterusnya (Mengguna pakai LNPT tahun 2013 dan seterusnya sebagai tahun terkini)	1 - 40	80%	Perlu penilaian kecemerlangan di tahap BAIK / CEMERLANG

- 2.5 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Edaran JPA(S)NP.134/1Klt.19/s.k2(11) bertarikh 14 Mei 2009 dan JPA(S)NP.134/1Klt.19/s.k2(17) bertarikh 3 Julai 2009 dibatalkan.

3.0 KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI PERUBATAN/PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI BERDASARKAN LALUAN KERJAYA DI KKM

- 3.1 Mulai 9 Mac 2010, Kerajaan telah bersetuju supaya urusan kenaikan pangkat bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di KKM dilaksanakan berdasarkan kepada laluan kerjaya yang telah dipersetujui mengikut tempoh berkhidmat pegawai di atas sesuatu gred dalam skim perkhidmatan yang sama.
- 3.2 Kenaikan pangkat pegawai adalah tertakluk pegawai telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatannya. Perincian laluan kerjaya tersebut adalah seperti di LAMPIRAN B.
- 3.3 Mesyuarat LPU Bil.19/2011 bertarikh 26 Januari 2011 telah bersetuju menerima pakai Surat Pekeliling JPA berkenaan Pelaksanaan Urusan Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai/Pensyarah Perubatan/Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi Berdasarkan Laluan Kerjaya di KKM dan pemanjangan pelaksanaannya kepada Pegawai/pensyarah Perubatan/Pergigian dan Farmasi di UniSZA. (KPT.S.500-6/10 Jld 7 (8) bertarikh 29 Mac 2010).

4.0 KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (BUKAN AKADEMIK)

- 4.1 Pelaksanaan kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional telah diamalkan di beberapa IPTA. Ianya bagi mengekalkan bakat pegawai yang berpotensi dan berkualiti untuk terus berkhidmat di universiti.
- 4.2 Kaedah pelaksanaan kenaikan pangkat yang dilaksanakan adalah tanpa kekosongan jawatan.
- 4.3 Penilaian dibuat berdasarkan pengiraan tempoh perkhidmatan tetap di jawatan semasa dan syarat-syarat lain termasuk penilaian tahap kecemerlangan oleh Panel Penilai.
- 4.4 Antara syarat dan kriteria kenaikan pangkat bagi jawatan/gred fleksi Kumpulan Pengurusan dan Profesional IPTA sepertimana LAMPIRAN C.
- 4.5 Mesyuarat LPU Bil.1/2015 bertarikh 24 Februari 2015 telah bersetuju meluluskan pelaksanaan dan menerima pakai S.K.P Bilangan 118 Tahun 2004: Surat kelulusan perjawatan jawatan fleksi dan kriteria pelaksanaan kenaikan pangkat bagi jawatan fleksi dalam kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) UniSZA.
- 4.6 Penilaian kecemerlangan adalah mengguna pakai Borang Penilaian Kenaikan Pangkat Bagi Jawatan/Gred Fleksi Kumpulan Pengurusan & Profesional Universiti Sultan Zainal Abidin.

- 4.7 Penilaian Time-Based Berasaskan Kecemerlangan yang dinilai oleh penyelia pegawai yang berada di gred lebih tinggi daripada gred pegawai yang dinilai yang kemudiannya disahkan oleh Ketua Jabatan.

5.0 SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT

Syarat-syarat Umum

1. Telah disahkan dalam perkhidmatan
2. Lulus semua penilaian tahap kecekapan (PTK) yang ditetapkan
3. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan (tidak kurang daripada 80% bagi tiga (3) tahun ke belakang)
4. Diperakukan oleh Ketua Jabatan
5. Tindakan tatatertib merujuk kepada Pekeliling Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2009 – Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai yang Sedang Disiasat dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib
6. Telah mengisytiharkan harta

Syarat-syarat tambahan

1. Kecekapan dan prestasi kerja pegawai itu;
2. Kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai itu;
3. Sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai itu; dan
4. Kegiatan luar dan sumbangan pegawai itu kepada negara dan masyarakat.
5. Aspek lain yang difikirkannya relevan oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat

(Rujukan : Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 / P.U.(A) 176/2005)

Walau apapun syarat permohonan di atas, Naib Canselor boleh menjemput mana-mana calon lain yang diiktiraf layak dinaikkan pangkat untuk membuat permohonan atau menghadiri temuduga.

6.0 TABURAN MARKAH PENILAIAN

Kriteria tahap kecemerlangan yang dipertimbangkan adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

a)	Laporan Nilai Prestasi 15%	Pengukuran prestasi pemohon dinilai dari segi kecekapan dan prestasi kerja melalui Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tempoh 3 tahun terakhir sebelum permohonan untuk tujuan kenaikan pangkat seperti pengiraan berikut:- Tahun Pertama – 20% Tahun Kedua – 35% Tahun Ketiga – 45% Markah purata minima untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah 80%.
b)	Tempoh Dalam Gred Jawatan Semasa 10%	Pemohon perlu berkhidmat sekurang-kurangnya 4 tahun dalam perkhidmatan semasa sebelum layak memohon jawatan kenaikan pangkat kecuali dengan kelulusan Jawatankuasa Pemilihan.
c)	Laporan Ketua Jabatan 25%	Pegawai atasan memberi penilaian ke atas:- i. Watak dan peribadi; ii. Mutu dan penghasilan kerja; iii. Kebolehan memimpin; iv. Kebolehan mengurus; v. Hubungan dengan rakan sejawat dan pegawai atasan; vi. Daya usaha, inisiatif dan inovasi dalam bidang tugas dan kelemahan staf (sekiranya ada).
d)	Prestasi Temuduga 50%	Markah temuduga kenaikan pangkat bagi jawatan staf akan ditentukan oleh Panel Temuduga. Aspek-aspek yang dinilai semasa temuduga ialah:- i. Kebolehan berbincang, kecekapan dan prestasi kerja staf; ii. Kelayakan akademik, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman staf; iii. Sifat-sifat peribadi termasuk sahsiah, potensi, kepimpinan staf, integriti dan

		<p>kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat;</p> <p>iv. Kegiatan luar dan sumbangan staf kepada universiti, masyarakat dan Negara;</p> <p>v. Kekananan di dalam perkhidmatan hanya -5- diambil kira apabila staf didapati mempunyai kebolehan yang sama;</p> <p>vi. Disiplin staf dari segi tatatertib dan rekod kehadiran bekerja.</p>
--	--	--

7.0 PELAKSANAAN TEMUDUGA

- 7.1 Calon yang layak dan memenuhi prosedur permohonan akan dipertimbangkan untuk di temuduga.
- 7.2 Hanya prestasi perkhidmatan dan kemajuan akademik selepas pelantikan calon dalam jawatan semasa sahaja yang akan dinilai.
- 7.3 Panel temuduga akan meneliti kelayakan pemohon berdasarkan tahap prestasi dan tahap kecemerlangan akademik semasa sesi temuduga.
- 7.4 Jumlah staf yang dipanggil temuduga adalah mengikut nisbah kekosongan jawatan sekurang-kurangnya 1 kekosongan kepada lima (5) orang (1:5) kecuali bilangan staf yang berkecualan adalah kurang dari nisbah yang ditetapkan.
- 7.5 Kekosongan jawatan boleh diiklankan secara dalaman (jika perlu) bagi mendapatkan staf kontrak yang layak dipertimbangkan untuk ke jawatan tetap.
- 7.6 Sekiranya tiada staf yang memohon atau layak setelah tamat tempoh penawaran iklan, Jawatankuasa Pemilihan boleh melaksanakan kaedah berikut:-
- i. Mempelawa staf yang berkecualan (tetapi tidak memohon) untuk menghadiri sesi temu duga;
 - ii. Melaksanakan kaedah pengisian jawatan secara pemangkuan, sekiranya tiada calon yang melepasi syarat kenaikan pangkat;
 - iii. Mendapatkan calon yang berkecualan daripada luar universiti;
 - iv. Menunda proses kenaikan pangkat bagi jawatan berkenaan ke tahun hadapan.
- 7.7 Jawatankuasa Pemilihan berhak menentukan apa-apa jenis ujian/proses saringan tambahan yang perlu dilaksanakan bagi sesuatu jawatan sebelum proses temuduga dijalankan (jika perlu).

8.0 JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHAK BERKUASA MELULUSKAN KENAIKAN PANGKAT

Keanggotaan Jawatankuasa Pemilih bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) adalah seperti yang ditetapkan oleh Statut UniSZA (Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik) 2010. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memperakukan kepada Mesyuarat Pengurusan Universiti untuk kelulusan kenaikan pangkat.

8.1 Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)

Pengerusi	TNC (HEPA)
Ahli	<ul style="list-style-type: none">• Dua (2) orang Pegawai Kanan Universiti• Dekan Fakulti yang baginya jawatan itu diuntukkan• Pendaftar

8.2 Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana

Pengerusi	Pendaftar
Ahli	Dua (2) orang Pegawai Kanan Universiti

9.0 TARIKH KUAT KUASA KENAIKAN PANGKAT

9.1 Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada Peraturan 41, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penempatan Perkhidmatan) 2005:-

- i. Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), tarikh kenaikan pangkat seseorang pegawai ialah tarikh pegawai yang ditentukan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat;
- ii. Tarikh kenaikan pangkat ke gred tidak boleh lebih awal daripada tarikh kekosongan atau tarikh pegawai layak dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatannya, yang mana terkemudian;
- iii. Bagi kenaikan pangkat ke jawatan, kecuali jika skim perkhidmatan tidak mensyaratkan sesuatu kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan, tarikh kenaikan pangkat tidak boleh lebih awal dari tarikh pegawai itu diluluskan memangku jawatan itu atau pada tarikh jawatan hakiki itu kosong, yang mana terkemudian.

9.2 Bagi maksud peraturan ini :-

- i. 'Kenaikan Pangkat ke Gred' ialah kenaikan pangkat ke mana-mana gred dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana; dan
- ii. 'Kenaikan Pangkat ke Jawatan' ialah kenaikan pangkat ke mana-mana jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

9.3 Berdasarkan peruntukan di atas, tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat yang boleh dikuatkuasa adalah tarikh kelulusan waran perjawatan atau tarikh kekosongan jawatan yang berlaku bagi semua gred jawatan.

10.0 KEPUTUSAN

10.1 Keputusan bagi permohonan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:-

- i. Berjaya
- ii. Simpanan
- iii. Gagal

10.2 Jika terdapat kekosongan jawatan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan kenaikan pangkat, calon simpanan boleh dipertimbangkan terus untuk mengisi kekosongan jawatan kenaikan pangkat.

10.3 Segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan, pihak Pengurusan Universiti adalah muktamad. Rayuan adalah tidak dibenarkan.

11.0 PENUTUP

Garis panduan ini diharapkan dapat memberi panduan dalam melicinkan proses pengurusan kenaikan pangkat.

LAMPIRAN A

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT

BIL	PROSES KERJA	CARTA ALIR
1.	Terima dokumen permohonan kenaikan pangkat daripada pemohon setelah melalui Dekan / Pengarah.	<pre>graph TD; MULA([MULA]) --> 1[1]; 1 --> 2[2]; 2 --> 3[3]; 3 --> D{ }; D -- Lulus --> 4[4]; 4 --> 5[5]; 5 --> TAMAT([TAMAT]);</pre>
2.	Kemukakan surat makluman penerimaan permohonan kepada pemohon.	
3.	Semak kelayakan permohonan.	
4.	Panggil temuduga bagi calon yang layak.	
5.	Keluarkan surat bagi calon berjaya.	

LAMPIRAN B

Syarat-Syarat Tambahan Kenaikan Pangkat Pegawai/Pensyarah Perubatan, Pergigian dan Farmasi Berdasarkan Laluan Kerjaya di KKM

Gred	Skim Perkhidmatan			Catatan
	Perubatan / Pergigian		Farmasi	
Gred 41 – Gred 44	2 tahun di Gred 41		3 tahun di Gred 41	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
	PAKAR	BUKAN PAKAR		
Gred 44 – Gred 48	3 tahun di Gred 44 atau tarikh warta pakar, mana yang terdahulu	3 tahun di Gred 44	4 tahun di Gred 44 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Gred 48 – Gred 52	2 tahun di Gred 48	4 tahun di Gred 48	4 tahun di Gred 48 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Gred 52 – Gred 54	2 tahun di Gred 52	3 tahun di Gred 52	3 tahun di Gred 52 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Tempoh keseluruhan untuk berada di Gred 54 daripada tarikh lantikan	9 tahun	12 tahun	14 tahun atau tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan

Catatan: Pegawai Perubatan masih perlu melepasi syarat-syarat asas sebagaimana ditetapkan pada para 5.0.

**SYARAT DAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT BAGI JAWATAN/GRED FLEKSI
KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (BUKAN AKADEMIK)**

A	SYARAT ASAS PERMOHONAN	KETERANGAN SYARAT/KRITERIA	PERINCIAN	PEMBERATAN
1	Telah Disahkan Dalam Jawatan			
2	Tempoh Perkhidmatan (di gred semasa)	41 – 44 : 6 tahun		
		44 – 48 : 5 tahun		
		48 – 52 : 5 tahun		
		52 – 54 : 3 tahun		
3	Telah Mengisytiharkan Harta	✓		
4	Bebas Tindakan Tatatertib	✓		
5	Melempi Tapisan SPRM	✓		
B	SYARAT ASAS PERMOHONAN			
1	Laporan Nilain Prestasi Tahunan	Tidak kurang dari 85% untuk purata 3 tahun (berdasarkan wajaran JPA : 20:35:45)		30%
2	Perakuan Ketua Jabatan	Penilaian Khas Ketua Jabatan		10%
C	KRITERIA KECEMERLANGAN			40%
1	Inovasi	Idea baru/penambahan dalam bidang tugas yang memberi impak kepada proses kerja, kepuasan pelanggan, penjimatan kos dan sebagainya	Keperluan/definisi inovasi ini adalah terpulang kepada IPTA masing-masing	

2	Program Sangkutan	41 – 44 : -	Perincian mengenai tempoh dan syarat lain ditetapkan oleh IPTA masing-masing. Untuk tahun pertama selepas waran diperolehi terpulang kepada IPTA masing-masing untuk menyesuaikan penggunaan/pelaksanaan kriteria ini	
		44 – 48 :Sangkutan ant -11- ;tri, agensi luar dan IPT dalam negara		
		48 – 52 :Sangkutan antara agensi luar dan IPT dalam negara/luar negara		
		52 – 54 :Sangkutan antara agensi luar dan IPT dalam negara/luar negara		
3	Pusingan Kerja	Telah melalui sebahagian daripada bidang tugas skim masing-masing, sebagai contoh untuk Skim N:	Kriteria ini dikecualikan bagi skim yang bidang tugasnya spesifik. Diambil kira bagi tempoh sepanjang perkhidmatan	
		Akademik/Hal Ehwal Pelajar/ Sumber Manusia/ Kewangan /Penyelidikan, Inovasi & Penerbitan/Perkhidmatan dan kemudahan Am/Pengurusan Keupayaan Softskill		
4	Sumbangan Di Luar Tugas Hakiki/Khidmat Masyarakat	Ikut definisi seperti ditetapkan dalam borang LNPT	Diambil kira bagi tempoh sepanjang perkhidmatan	
5	Penulis Kertas kerja/ Pembenang Kertas Kerja /Penceramah/Pemudah Cara	Pelaksanaannya adalah secara fleksibel seperti diputuskan oleh IPTA masing-masing		
6	Bidang Kepakaran (Subject Matter Expert)	Menjadi <i>resource person</i> dalam bidang tertentu		

D LAIN-LAIN KRITERIA (OPTIONAL)				
1	Kehadiran	Pelaksanaannya terpulang kepada IPTA (boleh diberikan sebagai markah bonus)		
2	Anugerah Yang Diterima			
3	Kelayakan Akademik Tambahan			
E KRITERIA KHUSUS (TERPAKAI UNTUK SKIM TERTENTU)				
1	Penjanaan Pendapatan/Penjimatan	Untuk skim :	Pelaksanaannya terpulang kepada IPTA	
		Q (Pegawai Penyelidik)		
		N (Pegawai Penerbitan)		
		G (Pegawai Pertanian)		
2	Penganjuran/Penglibatan Dalam Program/Majlis kebudayaan/Acara Sukan	Untuk Skim Pegawai Kebudayaan(B) / Pegawai Belia & Sukan(S)		
3	Penglibatan Dalam Kumpulan Penyelidikan Atau Pengurusan Peralatan penyelidikan	Untuk Skim Pegawai Sains(C)		
4	Penyeliaan/Pengurusan Projek/Pembangunan Sistem	Untuk Skim Pegawai Teknologi Maklumat (F) dan Jurutera (J)		
F	TEMUDUGA/TEMUBUAL			20%
JUMLAH KESELURUHAN PEMBERATAN				100%
*Syarat dan kriteria ini tidak terpakai kepada Skim Pegawai Perubatan/Pegawai Pergigian/Pegawai Farmasi				

Sumber Rujukan:

1. Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 / P.U.(A) 75/2010 -1 April 2010
2. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 / P.U.(A) 176/2005 – 1 Mei 2005
3. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010 Panduan Pengurusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam
4. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2009 - Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib
5. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 2007 - Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Dan Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat
6. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2006 - Panduan Mewujudkan Search Committee Dan Proses Pelaksanaan Pelan Penggantian (Succession Planning)
7. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 - Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan
8. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2008 - Kaedah Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat Dengan Elaun Pemangkuan
9. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1985 - Ubahsuai Pelaksanaan Peruntukan-peruntukan yang Terdapat Di Dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1978
10. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 - Panduan Urusan Kenaikan Pangkat, Pemangkuan Dan Penanggungungan Kerja Dalam Tempoh Peralihan Sistem Saraan Malaysia
11. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2009 - Borang Laporan Penilaian Prestasi Khas Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam
12. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009 - Kesan Ke Atas Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji
13. JPA(S)NP.134/1 KLT.18(4) BERTARIKH 4 NOVEMBER 2008 - Penamatan Pemangkuan Kepada Pegawai Yang Memangku Melebihi DUA (2) Tahun Yang Tidak Lulus Penilaian Tahap Kecekapan

14. JPA.SULIT.NP.134/1/KLT.14/(27) BERTARIKH 19 JULAI 2007 - Kriteria Kenaikan Pangkat Dan Pemangkuan Pegawai Perkhidmatan Awam
15. JPA(S)NP.134/1 Klt. 19/s.k2(11) BERTARIKH 14 MEI 2009 - Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Pegawai Kumpulan Sokongan Yang Telah Berkhidmat 15 Tahun Dan Lebih Dalam Skim Perkhidmatan Dan Perkhidmatan Semasa
16. JPA(S)NP 134/1 Klt. 19/s.k 2(17) BERTARIKH 3 JULAI 2009 - Penambahbaikan Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Pegawai Kumpulan Sokongan Yang Telah Berkhidmat 15 Tahun Dan Lebih Dalam Skim Perkhidmatan dan Perkhidmatan Semasa
17. JPA(S)K 256/6/27 Klt. 2/s.k 2(4) BERTARIKH 3 JULAI 2009 - Penetapan Wajaran Markah Prestasi Bagi Urusan Pemangkuan/ Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Awam
18. JPA(S)NP 134/8/1 Jld.23 (13.) Tarikh 18 Oktober 2010 - Urusan Kenaikan Pangkat Secara Khas Untuk Penyandang (KUP) Di Badan Berkuasa Berkanun Dan Pihak Berkuasa Tempatan
19. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2013 – Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Yang Berada di Gred Lantikan.